

Ruj. Kami: (89) MBPJ/090100/TA6 Jld.10
Tarikh: 25 September 2012

KENYATAAN AKHBAR

PESTA TANGLUNG PETALING JAYA 2012

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Chempaka Buddhist Lodge (CBL) akan mengadakan “**PESTA TANGLUNG PETALING JAYA 2012**” pada 29 September 2012. Program yang akan bermula dari pukul 2.00 petang hingga 11.00 malam ini diadakan bersempena Hari Kuih Bulan.

Pada malam tersebut, Chempaka Buddhist Lodge akan mengadakan perarakan kereta berhias, perarakan basikal dengan tanglung dan pengedaran kuih bulan yang akan dilakukan sepanjang perjalanan perarakan basikal tersebut.

Para penduduk juga disaran untuk menyalakan tanglung masing-masing dan turut sama disaran untuk menyertai perarakan ini. Selain itu, pelbagai program yang menarik telah disusun bagi memeriahkan lagi sambutan pada tahun ini antaranya teka-teki tanglung, 24 seasons drums, pertunjukan pertukaran topeng muka, tarian singa, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, pertandingan membuat tanglung, persembahan kebudayaan, persembahan artis dan lain-lain lagi.

Di samping itu juga, pihak penganjur juga turut mengadakan pertandingan membuat tanglung yang bertemakan “**Go Green**” yang mana setiap peserta haruslah menggunakan bahan-bahan buangan “**recycle items**” untuk menghasilkan tanglung.

Penerapan tema go green untuk pertandingan bina tanglung ini adalah bertujuan untuk mendidik orang awam untuk sentiasa mengamalkan sikap prihatin dan sayangkan alam sekitar.

Orang ramai khususnya penduduk di sekitar Petaling Jaya adalah dijemput untuk menyertai majlis ini serta mengambil bahagian dalam program-program yang akan disediakan oleh pihak CBL nanti.

Sebagai makluman, perayaan Pesta tanglung yang diadakan di Chempaka Buddhist Lodge ini telah masuk tahun ke 10 dan CBL juga merupakan persatuan yang terunggul mengadakan perarakan kereta berhias. Selain daripada itu, majlis perayaan pesta tanglung ini merupakan salah satu medium dan ruang untuk menyebarkan informasi tentang budaya kaum cina kepada orang ramai terutama sekali pelawat dari luar Negara.

Perarakan kereta berhias ini akan berlangsung sepanjang 3 kilometer bermula dari Chempaka Buddhist Lodge melalui Taman Megah, Jalan SS23/17, jalan SS24/10 (Ming Tian Food Court) dan berpatah balik ke Chempaka Buddhist Lodge melalui Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yuk Chai.

Sebarang pertanyaan atau makluman berkenaan Pesta Tanglung Petaling Jaya 2012 ini, orang ramai boleh menghubungi Chempaka Buddhist Lodge di talian 03-7780 3936 atau datang ke alamat NO 60, jalan SS23/25 Taman Sea, 47400 Petaling Jaya, Selangor. (Berdekatan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yuk Chai).

Di keluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my